



# GARIS PANDUAN STANDARD PENYELENGGARAAN UTILITI DAN PEMOTONGAN POKOK BIL.1



DEWAN BANDARAYA KUCHING UTARA  
DENGAN KERJASAMA  
SARAWAK ENERGY BERHAD & TELEKOM MALAYSIA

## **LEGAL DISCLAIMER**

*This document contains AWARENESS AND PREVENTION GUIDE material only to assist members of the public and relevant agency(s) in order to avoid conflicts into the important of tress in our life and the need of good basic facilities such as electricity supply and telefone services.*

*This document does not have the force of law and anything relate with the legal process must be refer to the relevant act for further action.*

## **DEFINISI**


Merupakan satu kaedah rujukan yang digunapakai secara bersama oleh agensi-agensi terlibat untuk kerja-kerja penyelenggaraan utiliti dan pemotongan pokok di kawasan pentadbiran DBKU.

Garis panduan *standard* merangkumi aspek-aspek berikut:

- Mengekalkan keadaan lanskap yang menarik;
- Mengutamakan keselamatan awam dan pengguna yang lain; dan
- Mewujudkan kerjasama yang efisien.

## 1. MENGEKALKAN KEADAAN LANSKAP YANG MENARIK

1.1. Selaras dengan pelaksanaan konsep Cantik, Bersih dan Selamat yang digunakan oleh DBKU, maka penyelenggaraan/pemangkasan pihak-pihak di kawasan DBKU mestilah mengekalkan keadaan yang menarik. Agensi-agensi yang terlibat mestilah menggunakan kaedah yang telah dipersetujui.




Kaedah sedia ada




Keadaan selepas projek

1.2. Penanaman pokok terancang. Penanaman yang baru mestilah mengikut konsep "**Right Tree Right Place**" iaitu hanya pokok yang mempunyai ketinggian tertentu di tanam pada bahagian yang sesuai.



- 1.3. Mengimplementasi konsep "TTM" (**Total Tree Maintenance**). Ketiga-tiga agensi terlibat hendaklah melakukan kerja-kerja penyelenggaraan pokok (pemotongan/pemangkasan) secara menyeluruh termasuklah kerja-kerja pembersihan di lokasi kerja/kejadian (aduan).




Rekabentuk pemangkasan dan pemotongan seragam

- 1.4. Kawal selia rekabentuk landskap. pemangkasan dahan-dahan pokok yang menyentuh talian elektrik atau kabel telefon mestilah dimaklumkan kepada DBKU untuk tujuan kawal selia dan khidmat nasihat dan memastikan rekabentuk yang sesuai.
- 1.5. Kepentingan utiliti awam. Penanaman pokok baharu mestilah mengambil kira kesan terhadap utiliti awam sediaada atau yang akan dibangunkan seperti kabel elektrik, telefon, lampu jalan dan lain-lain.

## 2. MENGUTAMAKAN KESELAMATAN AWAM DAN PENGGUNA YANG LAIN

- 2.1. Pemasangan talian bekalan elektrik yang baru mestilah menggunakan kabel berpenebat (*insulated cable*) untuk mengelakkan aliran arus bersentuhan dengan dahan-dahan pokok yang belum dipotong.
- 2.2. Pemasangan kabel penghadang di sepanjang talian kuasa elektrik (*power line*) yang berhampiran pokok-pokok yang tinggi untuk menghalang ranting pokok menyentuh kabel.
- 2.3. Membenarkan hanya individu atau kontraktor (aboris) yang berkecuali dengan peralatan yang sesuai dibenarkan melakukan kerja-kerja pemangkasan/penebangan pokok.
- 2.4. Menyediakan tag pengawalan. Bagi memudahkan kerja-kerja pengawalan tumbesaran pokok. Pihak SEB & TM disarankan memasang satu bentuk penandaan pada tiang elektrik/telefon seperti gambarajah di bawah.



- **Tag merah**  
– Zon notis  
(perlu dipangkas)
- **Tag oren**  
– Zon notis  
(makluman untuk  
agensi terbabit)



### 3. KERJASAMA YANG EFISIEN

- 3.1. Pemeriksaan berkala (berjadual). Ketiga-tiga agensi mestilah mengadakan pemeriksaan ke atas tumbesaran pokok, keadaan talian bekalan elektrik & telefon. Seterusnya berkongsi maklumat bagi mengurangkan aduan awam.
- 3.2. Ketiga-tiga agensi mestilah mematuhi piawaian yang sedia ada seperti garis panduan JKPP, JLN & *Local Authorities Ordinance*.
- 3.3. Membiayai semua kos berkaitan secara sama rata (***equal cost expenses***) antara agensi termasuklah menyediakan taklimat, kursus-kursus berkaitan dan sebagainya untuk penambahbaikan perkhidmatan ketiga-tiga agensi.
- 3.4. Mempamerkan no. telefon atau kaedah perhubungan lain di kawasan yang berisiko tinggi untuk kegunaan awam menyampaikan maklumat kepada ketiga-tiga agensi.
- 3.5. Semua projek peyelenggaraan utiliti awam yang melibatkan kepentingan ketiga-tiga agensi hendaklah dipantau mengikut verifikasi yang telah disediakan.
- 3.6. Mengeluarkan notis untuk sebarang gangguan keperluan awam yang disebabkan oleh masalah dan aktiviti berkaitan tidak kurang dari 24 jam dari tempoh kerja dimulakan.

SEGALA MASALAH BERKAITAN UTILITI DAN POKOK

HUBUNGI TALIAN RESPONSIF

24 JAM KAMI:

DEWAN BANDARAYA KUCHING UTARA-082 446644

SARAWAK ENERGY BERHAD-082 333111

TELEKOM MALAYSIA BERHAD-100

## KESIMPULAN

**Garis Panduan *Standard* Penyelenggaraan utiliti dan Pemotongan Pokok** ini akan memberi gambaran yang jelas bagi pemangkasan, pemotongan, rekabentuk landskap dan penyelenggaraan utiliti awam seterusnya untuk maklumat dan rujukan.

Penyeragaman kerja penyelenggaraan utiliti awam dan Pemotongan Pokok dapat dibuat secara terurus dan mengelak masa penyelesaian aduan yang lama.

## PENGHARGAAN

Sekalung tahniah dan ucapan terima kasih kepada semua yang membantu dan memberi usaha gigih mereka untuk kami membuat Garis Panduan *Standard* Penyelenggaraan dan Pemotongan Pokok

## TERIMA KASIH





## NOTA

Buku garis panduan standrad penyelenggaraan utiliti dan pemotongan pokok ini dibuat berdasarkan data, rekod masalah dan sumber dari ketitga-tiga agensi hybrid kumpulan KIK GLAMCO. Semua cadangan dan saranan adalah berasaskan pemerhatian persekitaran, respon awam serta kajian secara berterusan

Buku ini akan dipinda bersesuaian dengan kehendak dan masalah semasa agar bertepatan dengan kehendak rakyat sebagai pelanggan ketiga-tiga agensi.

Disediakan oleh:

Bakri bin Daee (ketua Kumpulan GLAMCO)

Dibantu oleh

Semua ahli kumpulan dan individu yang terlibat secara langsung dengan kerja-kerja berkaitan.